

02/03/2005

Sumpah Mahsuri boleh berulang

Oleh Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meramalkan sumpah Mahsuri akan berulang di Langkawi jika penduduk enggan merebut peluang pekerjaan dan perniagaan di pulau legenda itu.

Pada temuramah sempena laporan khas Pulau Langkawi 12 siri yang disiarkan menerusi Warta Perdana TV1 bermula malam ini, Dr Mahathir berkata, pembangunan berterusan itu memberi banyak manfaat kepada penduduk setempat.

"Pada mulanya, apabila kita menjadikan Langkawi sebagai pulau pelancongan, kita cuma berharap dengan mendirikan hotel kecil dan tidak ada pembangunan seperti marina yang besar.

"Tetapi permintaan nampaknya begitu tinggi dan kita perlu mengadakan kemudahan yang lebih canggih. Sehingga sekarang, Langkawi sudah boleh dikatakan setaraf Phuket, Thailand dan Bali di Indonesia. Bukanlah dari sudut yang sama tetapi ia mempunyai daya penarik yang berbeza," katanya.

Laporan khas bertajuk 'Langkawi...Sumpahan Terungkai' akan menyiarkan laporan mengenai pembangunan pulau legenda berkenaan sehingga menjadi pusat pelancongan dan pelaburan terkemuka di rantau ini.

Pembangunan pesat itu berjaya meningkatkan pendapatan penduduknya yang bekerja sebagai nelayan dan petani.

Berbekalkan idea dan wawasan, Dr Mahathir bertanggungjawab memakmurkan pulau itu yang dulunya hanya perkampungan nelayan mundur, menjadi pulau pelancongan bertaraf antarabangsa yang gah di serata dunia.

Status bebas cukai yang diperoleh pada 1987, mendorong ekonomi di pulau itu bergerak pantas, sekali gus membolehkan penduduk menikmati pembangunan hasil resipi Dr Mahathir.

Mengikut mitos, Mahsuri sebelum dihukum bunuh angkara fitnah pernah bersumpah bumi Langkawi akan menjadi padang jarak padang terkukur untuk tujuh keturunan selepas kematiannya.

Bagaimanapun, kini industri pelancongan di Langkawi terus berkembang pesat. Banyak peluang pekerjaan ditawarkan kepada penduduk Langkawi berikutan pembinaan hotel dan resort, selain menjadi pemandu pelancong dan pengusaha bot pelancongan.

Pelabur tempatan seperti Halim Mazmin Berhad dan pelabur asing turut menjadikan Langkawi sebagai pusat perniagaan utama dalam bidang perhotelan dan restoran.

Malah, Halim Mazmin turut membangunkan pusat latihan kapal dan pesawat serta industri ternakan ikan dalam sangkar.

(END) Source : Berita Harian